



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**22 JULAI 2022 (JUMAAT)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EKRAN PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**22 JULAI 2022 (JUMAAT)**

# Turunkan harga minyak masak

Pemain industri diminta bertindak selari dengan penurunan harga minyak sawit mentah dunia

KAJANG

**P**emain industri dalam negara diminta menurunkan harga minyak masak selari dengan penurunan harga minyak sawit mentah dunia, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, ini dilihat per-



Alexander (kanan) menyampaikan anugerah sempena Sambutan Jubli Emas ke-50 dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan KPDNHEP Tahun 2022 di Kajang pada Khamis.

lu memandangkan harga minyak sawit mentah dunia telah banyak turun daripada paras tertinggi sejak dua bulan lepas.

"Secara prinsipnya harga mi-

nyak masak berubah ikut harga minyak masak mentah, harga turun naik ikut harga pasaran dunia dan kita harap pemain industri juga buat penyesuaian

harga untuk dijual di peringkat runcit," katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Sebelum itu, beliau menyaksikan Majlis Perbarisan dan Kawalan Kehormat sempena Sambutan Jubli Emas ke-50 Bahagian Penguat Kuasa dan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Tahun 2022 di Maktab Penjara Malaysia, Kajang.

Pada Rabu, Alexander dilaporkan berkata, harga minyak sawit mentah turun daripada RM7,000 per tan metrik kepada RM3,600 per tan metrik minggu ini dan menjangkakan harga minyak masak botol dalam negara akan turut dalam masa terdekat selari penurunan berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Alexander berkata, pihaknya sedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mendepani masalah berkaitan kekurangan bekalan ubat.

"Ia perlu perbincangan bagaimana untuk kawal atau apa sepatutnya dikawal bukan sekadar berkaitan harga sahaja, pandangan KKM juga perlu diteliti," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Alexander berkata, sebanyak 6,457 kertas siasatan dibuka sepanjang tahun ini sehingga bulan lepas dengan kesalahan tertinggi berkaitan ketidakpatuhan harga, selain merekodkan RM25.94 juta nilai rampasan dan kompaun sebanyak RM3.33 juta. - *Bernama*

GLOBAL MARKET

# COOKING OIL PRICES TO FLUCTUATE

Minister urges industry to adjust cooking oil prices in line with crude palm oil prices

MOHAMED BASYIR  
AND TENGKU ZARITH SOFIA  
**KAJANG**  
news@nst.com.my

**T**HE price of bottled cooking oil is expected to fluctuate according to Crude Palm Oil (CPO) prices.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said the price of cooking oil sold in market should be adjusted from time to time.

"That is the principle. The price goes up and down according to the world market.

"The price has dropped significantly compared with two weeks ago, so the industry should adjust prices."

He said this after an event to mark the Enforcement Division's golden jubilee and the completion of the basic enforcement sci-

ence training course at Maktab Penjara Malaysia here.

Present was Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

Last August, the government introduced temporary subsidies for 1kg, 2kg, 3kg and 5kg bottled cooking oil. The subsidies ended this month, resulting in sharp price increases. The subsidy for 1kg cooking oil in polybags remains.

The price of bottled cooking oil is expected to drop soon as the price of raw cooking oil is expected to fall from RM7,000 per metric tonne to RM3,600 per metric tonne this week.

Nanta said the ministry was ready to hold discussions with the Health Ministry on setting controlled prices for medicine.

He said the matter needed to be scrutinised first before it can be enforced.



Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (third from left) inspecting a guard of honour at Maktab Penjara Malaysia in Kajang yesterday. PIC BY AZHAR RAMLI

He was responding to the proposal by Malaysian Pharmacists Society president Amrahi Buang for price controls on medicine.

Amrahi said this would prevent

profiteering, especially for medicine with limited supply, such as for fever, flu and antibiotics.

Meanwhile, Nanta said the ministry had resolved all the 27,328

complaints it received last year. "One hundred per cent of public complaints were investigated and resolved by the ministry.

"We conducted operations that have improved domestic trade and consumer protection, including Op Suri, Op Ria, Op Menu, Op Catut and Op Rantai."

He said the ministry checked 864,973 premises nationwide last year and 10,586 investigation papers were opened, adding that seizures totalled RM36.15 million.

A total of RM6.24 million in compounds and RM1.66 million in fines were issued.

He said up to June, the ministry received 6,706 complaints.

"Of the number, 89.61 per cent have been resolved and the rest are being resolved."

He said 489,567 premises had been inspected this year.

"Of that, 6,457 investigation papers were opened and seizures totalled RM25.94 million.

"Compounds issued in the period total RM3.33 million and fines total RM167,530."

## Sebuah kedai makan disita, lima premis diarah ditutup!

**Hulu Selangor:** Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dengan kerjasama pelbagai agensi melakukan operasi besar-besaran ke atas 19 premis susulan pendedahan akhbar ini berhubung warga asing menguasai premis di kawasan Bukit Sentosa di sini.

Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry Nor Mohd berkata, tujuan operasi itu dilaksanakan adalah untuk membuat pemeriksaan terperinci berhubung dakwaan warga asing yang menguasai aktiviti perniagaan di kawasan Bukit Sentosa.

Menurutnya, semua

agensi terbabit dalam operasi itu membabitkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melakukan pemeriksaan dan menguatkuasa undang-undang masing-masing.

"Tumpuan difokuskan terhadap premis yang berada di kawasan perniagaan Jalan Orkid 1b, 2a dan juga Jalan Bunga Kertas 1a, Bukit

Sentosa.

"Pihak MPHS memberi fokus ke atas penguatkuasaan lesen perniagaan, pengendalian makanan, isu kebersihan premis dan juga halangan di tempat awam," katanya.

Mohd Hasry berkata, dalam pemeriksaan dilaksanakan itu, MPHS mendapati hampir keseluruhan premis yang diperiksa memiliki lesen perniagaan yang sah dan menggajikan pekerja war-

ga asing.

"Isu penggunaan pekerja asing yang mempunyai pas perjalanan yang sah (passport) dalam aktiviti perniagaan bukannya satu kesalahan kerana ia dibenarkan dalam peraturan dikuatkuasakan MPHS dan pihak berkuasa tempatan yang lain.

"Hasil pemeriksaan itu, satu kedai makan disita kerana tidak memiliki lesen

perniagaan mengikut Undang-undang Kecil 57, Undang-undang Kecil Establishmen Makanan (MDHS) 2007," katanya.

Beliau berkata, sebuah premis dikompaun mengikut Undang-undang kecil 38 (1), Undang-undang kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDHS) 2007 kerana gagal memperbaharui lesen perniagaan.

"Lima premis diarahkan untuk menutup perniagaannya mengikut Undang-undang Kecil 15, Undang-undang Kecil Establishmen Makanan (MDHS) 2007 kerana berada

dalam keadaan kotor.

"Dua premis dikompaun mengikut Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kerana meletakkan halangan (barang-barang perniagaan) di kaki lima premis," katanya. Katanya, empat pekerja warga asing ditangkap JIM kerana kesalahan dokumentasi.

"Sementara itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mengeluarkan lapan kompaun untuk kesalahan tiada papan tanda, resit dan tidak memaklumkan perubahan maklumat perniagaan," katanya.

“**Satu kedai makan disita kerana tidak memiliki lesen perniagaan**”  
Mohd Hasry